

29 MAR 2002

NUTP-Maaf

NUTP SEDIA MINTA MAAF, KATA SIVA

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) bersetuju untuk meminta maaf kepada semua pihak berhubung dakwaan pengasingan pelajar mengikut kaum di sekolah sehingga menimbulkan "salah faham" dan kekeliruan.

Setiausaha Agung NUTP Datuk N. Siva Subramaniam berkata NUTP akur dengan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya isu itu tidak diperbesar-besarkan lagi.

Keputusan untuk meminta maaf itu bukanlah satu keputusan individu sebaliknya merupakan keputusan bersama yang dicapai sebulat suara oleh anggota Jawatankuasa Tertinggi NUTP yang bermesyuarat hari ini, katanya pada sidang media di sini hari ini.

"Kami menerima rumusan penyiasatan (dijalankan oleh sebuah jawatankuasa penyiasat bebas yang ditubuhkan oleh Kementerian Pendidikan) dan apa yang disarankan oleh Perdana Menteri," katanya.

Dr Mahathir ketika diminta mengulas tentang dua guru besar yang bercadang memfailkan saman malu RM1 juta terhadap NUTP dan Siva Subramaniam, selepas merasmikan Konvensyen Barisan Nasional Selangor di Shah Alam, berkata beliau berpendapat NUTP tidak melakukan kesilapan besar apabila mendakwa terdapat pengasingan pelajar mengikut kaum di 210 sekolah di negara ini.

Siva Subramaniam berkata: "Kenyataan Perdana Menteri adalah jelas, kerajaan akan mengambil tindakan sekiranya terbukti perkara ini adalah benar".

Katanya NUTP tidak mempunyai sebarang agenda tersembunyi dalam membangkitkan dakwaan itu, malah kesatuan prihatin dengan masa depan bidang pendidikan yang merupakan teras kestabilan dan kemajuan negara.

Mengenai siasatan polis terhadap dirinya dan Presiden NUTP Tengku Habsah Tengku Petera yang telah dipanggil untuk memberi keterangan di Ibu Pejabat Polis di Bukit Aman hari ini, beliau berkata: "NUTP telah menyerahkan segala memorandum serta dokumen berkaitan dan pihak polis akan membuat siasatan lanjut. NUTP mengalu-alukan siasatan tersebut."

Siva Subramaniam berkata NUTP akan mengadakan rundingan dengan Kementerian Pendidikan bagi tujuan membincangkan cara-cara mengatasi pelbagai isu bersabit kemajuan pendidikan negara.

"Dalam rundingan bermula Isnin ini kita tidak akan memandangkan ke belakang sebaliknya akan fokus isu-isu masa depan dalam pendidikan," katanya.

-- BERNAMA

SNS HS RHM